

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH  
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

PEJABAT KETUA PENGARAH  
TINGKAT 12, IBU PEJABAT RISDA  
KM 7.5, JALAN AMPANG  
KARUNG BERKUNCI 11067  
50990 KUALA LUMPUR

Tel: 03-4256 2552  
Fax: 03-4251 4043  
Email: [izat@risda.gov.my](mailto:izat@risda.gov.my)


Bil. ( 56 ) dlm. 5.0/9960.13/04 Klt. 2

Tarikh: 8 Januari 2009

Semua Pengarah RISDA Negeri  
Semua Pegawai RISDA Daerah/Jajahan/Bahagian

c.c.: Ederon.

**ARAHAN KETUA PENGARAH BIL. 2/2009**

  
H. JAMALUDDIN BIN ABDULLAH  
Pengerah/  
Bagian Teknologi Maklumat,

**PENGUNAAN BAHAN VITAMIN BERJENAMA VITEX BAGI  
TUJUAN MENGATASI MASALAH KEKERINGAN KULIT POKOK  
GETAH DI BAWAH PROGRAM PPG.**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mesyuarat jawatankuasa Pengembangan dan pemindahan Teknologi Bil. 2/2008 yang telah diadakan pada 19/12/2008 telah memutuskan dengan membenarkan penggunaan bahan vitamin berjenama *Vitex* bagi tujuan mengatasi masalah kekeringan kulit pokok getah yang dihadapi oleh pekebun kecil.

3. Sehubungan dengan ini bahan vitamin berjenama *Vitex* telah dimasukkan sebagai salah satu input pertanian yang boleh dibekalkan di bawah Program Peningkatan Produktiviti Getah (PPG). Kadar maksima yang dibenarkan untuk pembelian bahan *Vitex* bagi satu hektar ialah sebanyak RM120.00. Sementara kadar penggunaan baja dan kimia rumpai adalah sama sepertimana yang telah ditetapkan dalam Arahan ketua Pengarah Bil. 19/2008, bertarikh 12/5/2008. Ini bermakna bahawa tambahan penggunaan bahan

v. Faridah  
Ita ambil  
indikasi  
2/2009

vitamin berjenama *Vitex* masih dalam lingkungan had siling yang telah diluluskan, iaitu antara RM810.40 hingga RM1,396.40.

4. Semua PRN, PRD/PRJ/PRB dinasihatkan supaya mendapatkan bahan tersebut daripada pengedar dan pembekal yang sah. Tuan diminta mematuhi sistem perolehan peringkat Pusat Tanggungjawab yang diamalkan sekarang bagi tujuan pembelian bahan berkenaan.

5. Bersama-sama ini disertakan garis panduan mengenai maklumat teknikal, tatacara penggunaan, kuantiti yang diluluskan dan kaedah rawatan yang perlu dilakukan oleh pekebun kecil. Borang PPG 20 (Laporan Pemeriksaan Kebun Bagi Bantuan PPG) yang dinyatakan dalam AKP 15/2005, bertarikh 11/7/2005 hendaklah dipinda dan diselaraskan dengan keperluan bahan vitamin berjenama *Vitex*. Dengan penggunaan bahan ini diharap bilangan pokok getah yang kering kulit akan dapat diatasi dan menjadi lebih produktif.

6. Arahan Ketua Pengarah ini berkuatkuasa sepenuhnya sebaik sahaja pekeliling diterima.


Sekian.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**  
**“ RISDA EFEKTIF PEKEBUN KECIL PRODUKTIF ”**



(DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN)  
Ketua Pengarah  
RISDA

Sk:

- 
1. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
  2. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat)
  3. Semua Pengarah Bahagian *BTMR*
  4. Semua Pengurus Besar Anak Syarikat
  5. Pengurus Besar NARSCO

DMIH/Hop/rbr

VITAMEN JENAMA

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN VITEX SEBAGAI BAHAN  
UNTUK MEMULIH DAN MERAWAT POKOK GETAH  
MENGALAMI KEKERINGAN KULIT**

**1.0 MAKLUMAT TEKNIKAL VITEX**

(DISEDIAKAN OLEH PIHAK PENGILANG/PENGEDAR).

Pengilang : VITEX Industries Sdn. Bhd.

Pengedar Tunggal Sektor Pekebun Kecil : NARSCO

**1.1 MATERIAL SAFETY DATA SHEET (MSDS)**

CHEMICAL INGREDIENTS :

- |      |   |        |
|------|---|--------|
| i.   | Sodium chloride, Sodium bicarbonate, Calcium, Ascorbic acid, preservatives and others | < 5 %  |
| ii.  | Deionized water, Minerals and Organic nutrients                                       | > 85 % |
| iii. | Inert ingredients   | ~ 15 % |

**1.2 PHYSICAL AND CHEMICAL DATA :**

- |      |                  |                               |
|------|------------------|-------------------------------|
| i.   | Appearance       | : orange coloured semi liquid |
| ii.  | Odour            | : fruit fragrance             |
| iii. | pH               | : 3.0 at 1 wt/wt%             |
| iv.  | Freezing point   | : - 1°C (30°F)                |
| v.   | Water solubility | : soluble                     |
| vi.  | Density          | : 1.1 – 1.2 kg/liter          |

**1.3 STABILITY AND REACTIVITY:**

- |      |                     |   |
|------|---------------------|---|
| i.   | Stability           | : stable  |
| ii.  | Conditions to avoid | : elevated temperatures   |
| iii. | Incompatibility     | : avoid contact with aluminium, zinc, strong acids, strong oxidizing agents and mild steel. |

MEMBENTUK MASYARAKAT PEKEBUN KECIL YANG PROGRESIF DAN SEJAHTERA  
MELALUI AKTIVITI PERLADANGAN KOMERSIAL

- iv. Harzardous decomposition products :  
thermal decomposition range : 338°F
- v. Harzardous polymerization : will not occur.

## 2.0 FAEDAH PENGGUNAAN VITEX

- i. menjadi vitamin kepada pokok getah.
- ii. berupaya mencegah dan merawat pokok getah yang menghadapi masalah kekeringan kulit.
- iii. menambahkan hasil pengeluaran lateks pada mana-mana pokok yang sihat.
- iv. meningkatkan kandungan getah kering (d.r.c.)

## 3.0 CARA PENGGUNAAN VITEX

- i. tanggalkan gejala getah kering (*tree lace*) yang terlekat di tapak torehan sebelum bahan *Vitex* boleh disapu.
- ii. dengan menggunakan berus lukisan selebar 14 mm., buat satu celupan (bersamaan (1) gram) ke dalam bahan *Vitex* dan sapu rata di atas tapak torehan bagi setiap pokok getah
- iii. penyerapan bahan *Vitex* mengambil masa sekurang-kurangnya tiga jam untuk ia bertindak dengan berkesan.
- iv. pokok yang disapu bahan *Vitex* boleh ditoreh selepas dua puluh empat jam rawatan.

### 3.1 Kaedah rawatan untuk pokok masalah kekeringan kulit :

- i. buat torehan pada tapak torehan yang kering sebelum bahan *Vitex* disapu untuk memberi penyerapan yang baik pada kulit pokok.
- ii. sapu *Vitex* pada tapak torehan dengan frekuensi lima hari sekali iaitu enam kali sapuan dalam sebulan. Pokok-pokok yang menghadapi masalah kekeringan kulit perlu direhatkan selama satu bulan tanpa ditoreh.

- iii. selepas dua puluh empat jam sapuan yang keenam (satu bulan) pokok-pokok ini boleh ditoreh seperti biasa mengikut sistem torehan yang diamalkan.

### 3.2 Kaedah rawatan untuk pokok yang sihat

- i. tanggalkan gejala getah kering (*tree lace*) yang terlekat di tapak torehan sebelum bahan *Vitex* boleh disapu.
- ii. *Vitex* disapu setiap sepuluh hari sekali iaitu dalam frekuensi tiga kali dalam satu bulan.
- iii. proses menyapu bahan *Vitex* ini perlu dilakukan secara berterusan.
- iv. pada musim ranggasan daun, proses sapuan dibuat sepuluh hari sekali jika torehan masih dijalankan. Sekiranya tiada torehan dibuat pada musim ini, maka bahan *Vitex* boleh disapukan dengan frekuensi lima hari sekali.

### 4.0 KADAR PENGGUNAAN UNTUK POKOK KERING KULIT

- i. Bilangan pokok sehektar – 350 pokok
- ii. Anggaran pokok mengalami kering kulit – 35 pokok (maksimum 10%)
- iii. Kadar satu sapuan – 1 gram
- iv. Keperluan *Vitex* :
  - a. Dalam tempoh kering kulit (sebulan)
    - = 6 gram x 35 pokok
    - = 210 gm
  - b. Selepas pokok pulih (7 bulan)
    - = 3 gm x 7 bln. x 35 pk
    - = 735 gm
  - c. Musim ranggasan (4 bulan):
    - i. jika pokok masih ditoreh
      - = 3 gm x 4 bln x 35 pk
      - = 420 gm
    - ii. Jika pokok tidak ditoreh
      - = 6 gm x 4 bln x 35 pk
      - = 840 gm
- Jumlah keseluruhan diperlukan
  - = 1,785 gm
  - = 2 kg

- v. Kos Vitex/hektar.  
2 kg x RM 60/kg (harga runcit semasa oleh NARSCO)=RM 120.00

#### 5.0 SYARAT KELAYAKAN DAN KADAR BANTUAN

- i. Pemilik pengusaha
- ii. Terdapat pokok getah mengalami kering kulit pada kadar maksimum 35 pokok sehektar
- iii. Bilangan pokok kering kulit telah dinyatakan dan diperaku dalam borang PPG 20 (Borang Pemeriksaan Kebun Bagi Bantuan PPG) oleh Pegawai Luar RISDA
- iv. Kadar maksimum Vitex yang boleh diluluskan ialah 2 x 1 kg. bersamaan dengan RM 120.00

#### 6.0 PINDAAN KEPADA BORANG PPG 20 (LAPORAN PEMERIKSAAN KEBUN BAGI BANTUAN PPG)

- i. Perkara 3  
Tambah Maklumat 3.9 –  
Bilangan Pokok Kering Kulit : .....pokok  
Maklumat 3.9 hingga 3.11 menjadi 3.10 hingga 3.12 baru
- ii. Perkara 4  
Tambah Maklumat 4.1.4 –  
Vitex :.....hektar atau unit (1 kg / 500 gm)  
Maklumat 4.1.4 hingga 4.1.6 menjadi 4.1.5 hingga 4.1.7 baru
- iii. Perkara 5  
Tambah Maklumat 5.1.4 –  
Vitex:.....hektar atau unit (1 kg / 500 gm)  
Maklumat 5.1.4 hingga 5.1.6 menjadi 5.1.5 hingga 5.1.7 baru

**7.0 PINDAAN KEPADA LAPORAN LKP PPG (3) (STATUS BEKALAN PELAKSANAAN PROGRAM PPG BAGI PENGGUNAAN TEKNOLOGI LITS TAHUN.....SETAKAT.....)**

- i. Tambah barisan 7. VITEX - 7.1 500 gm  
- 7.2 1 kg.

Bil. 7 hingga 13 menjadi 8 hingga 14 baru

Disediakan Oleh :

Unit Pemindahan Teknologi  
Bahagian pengembangan dan Kesejahteraan Rakyat  
R I S D A